



**UCAPAN:**

**YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI**  
**TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN**  
**MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**

**SEMPENA:**

**MAJLIS KUNJUNGAN RASMI KE**  
**CENTRE FOR TECHNOLOGY EXCELLENCE SARAWAK**  
**(CENTEXS)**

**BERTEMPAT DI:**

**CENTEXS**  
**SANTUBONG, KUCHING**

**PADA:**

**16 SEPTEMBER 2023 (SABTU)**

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum WBT

Salam Sejahtera

Salam Sarawak Maju Makmur dan

Salam Malaysia Madani

## <SALUTASI>

Terima kasih saudara/ saudari Pengacara Majlis.

## MUKADIMAH

1. ‘***Mun kamek nak try kelaka Sarawak lok’.***

(bersua dengan anda semua, saya nak *try* cakap Sarawak terlebih dahulu)

***‘asak ati kamek bila dapat tauk ke sitok, nang kacak mena CENTEXS tok, paling best pemandangan nang be-depan dengan Gunung Santubong paduhal.***

*(teruja saya bila datang ke sini, lawa betul CENTEXS ini, paling best pemandangan betul-betul berhadapan dengan Gunung Santubong rupanya)*

2. Saya memulakan ucapan ni dengan bercakap bahasa Sarawak sebagai tanda penghargaan dan kemesraan, memandangkan ini merupakan kunjungan pertama saya ke

Centre for Technology Excellence Sarawak (CENTEXS). Terima kasih kepada pihak CENTEXS dan Kerajaan Negeri Sarawak kerana telah menjemput saya ke sini.

## **KEPERLUAN MEMPERKASA BIDANG TVET**

Saudara dan saudari sekalian,

3. Future of Jobs Report 2023 yang diterbitkan oleh World Economic Forum pada April lalu menjelaskan beberapa perkara penting yang mesti kita berikan perhatian bersama. Antaranya, dalam tempoh 5 tahun akan datang, sebanyak 89 juta pekerjaan dijangka akan hilang. Manakala sebanyak 69 juta pekerjaan baharu akan terhasil.
4. Yang menariknya, beberapa kelompok pekerjaan yang akan menyaksikan pertumbuhan yang stabil adalah dalam lapangan yang mempunyai kaitan langsung dengan TVET. Misalnya, operator atau pengendali mesin dan teknologi, penganalisis teknologi Artificial Intelligent (AI) yang dijangka akan bertumbuh sehingga 40% dan tenaga pengajar atau pelatih vokasional.
5. Malah, laporan tersebut turut menekankan bahawa, 41% daripada tenaga kerja dalam pasaran pada tahun 2023 mesti dilatih semula atau ditingkatkan kemahirannya menjelang

2027. Ini bermakna, **program** **skilling**, **reskilling** dan **upskilling** akan menjadi sesuatu yang sudah tidak boleh dielakkan dan harus menjadi tumpuan Kerajaan termasuklah pihak industri.

## KOMITMEN KERAJAAN PERPADUAN

6. Dalam hal ini, saya melihat **pengupayaan TVET** bukan sahaja memberi tumpuan kepada penyelesaian masalah dan memenuhi keperluan negara, tetapi turut menyentuh pencorakan masa hadapan serta memenuhi potensi rakyat dan negara. Dengan memartabatkan TVET, Kerajaan berkeyakinan negara mampu menghasilkan modal insan berkemahiran yang diperlukan oleh industri.
7. Menyedari hakikat ini, Kerajaan Perpaduan telah memberikan penekanan kepada pelaksanaan program TVET agar menjadi pemacu utama atau *game changer* dalam usaha Kerajaan melahirkan tenaga kerja tempatan berkemahiran tinggi dan kompeten dalam bidang-bidang tertentu bagi memenuhi permintaan industri dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.
8. Melihat kepada potensi besar yang mampu dicapai oleh TVET untuk kemajuan negara, Kerajaan Perpaduan di bawah pimpinan YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim

telah mengikhtiarkan usaha memperkasa bidang TVET dengan **memperuntukkan sebanyak RM6.7 bilion seperti yang telah diumumkan menerusi Belanjawan 2023 yang lalu. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM679.46 juta telah dikhususkan untuk program TVET di bawah seliaan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW).**

9. Justeru, penganjuran program pada hari ini dilihat sebagai sebagai satu bentuk penterjemahan terhadap komitmen dan kebersamaan Kerajaan Negeri Sarawak melalui CENTEXS, dalam mendukung aspirasi Kerajaan Perpaduan untuk memperkasa bidang TVET ini. Tahniah saya ucapkan kepada Kerajaan Negeri Sarawak dan CENTEXS!

## **POTENSI CENTEXS MEMPERKASA TVET**

10. Sebenarnya saya menyedari kewujudan CENTEXS sejak awal penubuhannya pada 2014 dahulu lagi yang ketika itu CENTEXS dipacu oleh kemajuan ekonomi Sarawak bermula dari industri minyak dan gas, tenaga diperbaharui, Lebu Raya Pan Borneo, ekonomi digital dan ke arah ekonomi baharu melibatkan teknologi sumber tenaga hidrogen.
11. Saya juga tahu ketika CENTEXS menubuhkan CENTEXS Commercial sebagai sebuah GLC pada 4 April 2019, Usaha ini tidak lain dan tidak bukan berpaksikan komitmen dan

kesungguhan Kerajaan Negeri Sarawak untuk menjadikan negeri ini sebuah negeri maju menjelang 2030, seperti dirangka dalam Strategi Pembangunan Pasca COVID-19 2030 (PCDS 2030).

12. Saya difahamkan sepanjang penubuhan CENTEXS Commercial selama 4 tahun ini, terdapat banyak pencapaian yang telah dilakar termasuk mendapat kepercayaan sebagai *marketing arms* yang menghubungkan Sarawak dengan Semenanjung Malaysia dan Sabah terutamanya dalam mempromosikan dan memasarkan produk makanan warisan, kraftangan dan fesyen oleh komuniti usahawan tempatan termasuk produk digital yang dibuat sendiri oleh graduan CENTEXS.
13. Menariknya, tanggungjawab CENTEXS Commercial semakin meluas dan tidak terhad kepada pasaran produk warisan tempatan sahaja. Di atas dedikasi itu, CENTEXS Commercial juga bertindak sebagai *marketing arms* kepada CENTEXS dalam memperkenalkan dan memasarkan kesemua program latihan yang terdapat di CENTEXS. Hal ini membuktikan, sebuah GLC seperti CENTEXS Commercial diyakini mampu menggerakkan inisiatif TVET ini yang diakui memberi manfaat kepada semua golongan belia di seluruh negara! Tahniah sekali lagi diucapkan kepada CENTEXS Commercial.

14. Buktinya, kita semua tahu bahawa CENTEXS kini mengendalikan sebanyak 6 kampus di Sarawak yang menawarkan sebanyak 76 program untuk para pelajar. Ini satu pencapaian yang cukup luar biasa.
15. Maka tidak hairanlah CENTEXS turut mendapat **pengiktirafan sebagai Hab Ekonomi Digital di bawah Hab Kerjasama TVET** pada Jun tahun lepas oleh **Majlis TVET Kebangsaan**. Berikan tepukan kepada CENTEXS!
16. Sebagai Penggerusi TVET Malaysia, saya menyambut baik dan menyokong sepenuhnya usaha CENTEXS yang menawarkan kepelbagaian pilihan kepada golongan belia yang ingin melanjutkan pengajian dalam bidang TVET seterusnya mendapat jaminan pekerjaan yang lebih baik daripada pihak industri.
17. Sebagai tanda sokongan dan harapan ingin melihat CENTEXS Commercial terus menjayakan agenda TVET di negara ini, sukacita saya umumkan bahawa **Kerajaan Perpaduan akan meluluskan peruntukan pembangunan TVET di bawah KKDW berjumlah RM 30 juta kepada CENTEXS Commercial sebagai penggerak dan pelaksana** bagi menjayakan pembangunan TVET kepada belia di seluruh negara untuk datang ke Sarawak dan belajar di CENTEXS, Sarawak.

18. Sebagai permulaan, saya dimaklumkan bahawa CENTEXS Commercial akan melaksanakan fasa pertama program latihan dengan memberi tumpuan kepada penyertaan seramai 100 hingga 300 orang belia berumur 18 tahun ke atas dari seluruh negara **dengan menyediakan program-program dalam** pelbagai bidang mengikut keperluan industri.
19. Saya berharap peruntukan ini dapat membantu CENTEXS untuk terus mara ke hadapan dan membuka lembaran baru dalam menawarkan program-program yang lebih signifikan bagi memenuhi keperluan tenaga kerja mahir negara. Insya-Allah.

## **PEMETERAIAN MOU DI ANTARA CENTEXS DAN PIHAK INDUSTRI**

Saudara dan saudari sekalian,

20. Untuk terus berdaya saing, saya melihat perlunya penglibatan pihak swasta dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dalam agenda memperkasa pelaksanaan program TVET. Penglibatan pihak industri dalam menyokong dan memacu pelaksanaan TVET bukanlah satu pendekatan yang baru, amalan ini telah terbukti berkesan dan diamalkan di

banyak negara seperti Jerman dan negara-maju yang lain.

21. Dari sudut kebolehpasaran graduan TVET pula, anda semua tidak perlu risau kerana berdasarkan data yang ada sehingga awal tahun ini, **kadar kebolehpasaran graduan TVET berada pada tahap yang cukup baik iaitu 90.04 peratus.**
22. Berdasarkan rekod CENTEXS pula, pada tahun ini kadar kebolehpasaran graduan CENTEXS telah mencapai kadar maksimum 79 peratus memenuhi keperluan industri manakala 3 peratus lagi memilih untuk kekal di negeri ini dengan menjalankan perniagaan sendiri. Dalam erti kata lain, 100 peratus graduan CENTEXS kini berjaya menjana pendapatan masing-masing sama ada menyertai industri tertentu atau bekerja sendiri. Syukur Alhamdulillah!
23. Meskipun mempunyai rekod kebolehpasaran graduan yang membanggakan, CENTEXS masih menggerakkan usaha dengan menjalinkan kerjasama dengan penggiat industri. Sebentar lagi kita bakal menyaksikan pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) **di antara CENTEXS Commercial** dengan beberapa pihak seperti PERKESO, HRD Corp, Batik Air dan Kumpulan Bumikon.
24. Saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada CENTEXS Commercial dan pihak industri yang terlibat dalam

pemeteraian jalinan kerjasama ini. Semoga kerjasama ini terus berkekalan dan diperkuuh demi manfaat seluruh rakyat dan negara.

## **KEBOLEHPASARAN GRADUAN CENTEXS COMMERCIAL**

25. Industri dan swasta supaya tampil untuk menyokong inisiatif yang dilaksanakan oleh CENTEXS Commercial ini agar ia menjadi lebih kompetitif dan berprestij pada masa hadapan. Saya ambil peluang ini untuk menyampaikan hasrat kepada anak-anak muda kita khususnya di Semenanjung Malaysia dan Sabah, sekiranya anda tidak berpeluang untuk menyambung pengajian di Institusi Pengajian Tinggi Awam atau swasta, jadikan CENTEXS sebagai pilihan teratas untuk anda menyambung pengajian.
26. CENTEXS telah terbukti menjadi satu-satunya institusi kemahiran teknologi dan digital yang memberi jaminan peluang pekerjaan yang diiktiraf bukan sahaja di Malaysia malah dunia. **Sebut sahaja nama-nama besar seperti *Huawei, Aeon Reality, Bosch, Qualify UK, Next Schlumberger* dan *Solarvest***, ini adalah syarikat-syarikat yang telah menjalankan kerjasama dengan CENTEXS dan ramai graduan telah bekerja dengan syarikat-syarikat ini.
27. Terbaru, pada bulan Oktober depan CENTEXS akan

menjayakan pengajian pembuatan kasut di bawah **akreditasi oleh Prof Datuk Dr Jimmy Choo**, seorang pereka kasut yang tidak asing lagi Malaysia dan dunia. Tahniah!

## KOMITMEN KERAJAAN NEGERI SARAWAK

Saudara dan saudari sekalian,

28. Bersesuaian dengan **peribahasa, ‘melentur buluh biarlah daripada rebungnya’**, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk **memuji Kerajaan Negeri Sarawak melalui Kementerian Pendidikan, Inovasi, dan Pembangunan Bakat Sarawak (M-E-I-T-D)** yang mengambil langkah kehadapan dengan mengadakan pelbagai kursus untuk para pelajar di negeri ini dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).
29. Kursus-kursus ini bertujuan mencorak dan membentuk pemikiran setiap pelajar mengikut minat dan kecenderungan masing-masing agar mereka bersedia untuk memilih bidang yang ingin diceburi setelah tamat persekolahan kelak.
30. Kesungguhan Kerajaan Negeri Sarawak juga terserlah apabila M-E-I-T-D turut menubuhkan makmal kajian bagi menilai potensi dan keperluan-keperluan industri utama di negeri ini. Makmal ini dapat menyediakan data-data yang

diperlukan dalam merangka keperluan semasa dan masa hadapan dalam melahirkan para belia warga tempatan yang berkemahiran tinggi serta mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja warga asing.

31. Saya yakin, usaha ini kelak mampu meningkatkan kemahiran para belia untuk berkhidmat di dalam industri yang mampu menawarkan gaji yang lebih lumayan, sekaligus dapat mengurangkan penghijrahan keluar anak-anak muda negeri ini ke negeri lain bagi mencari sumber pendapatan yang munasabah.
32. Ayuh! Kita nak ***positive outcome*** dalam memastikan **kebolehpasaran** (*marketability*), **kebolehkerjaan** (*workability*) dan **kebolehgajian** (*employability*) menerusi penglibatan semua pihak terutamanya industri-industri besar seperti bidang digital, teknologi, tenaga hijau dan Kelestarian Alam Sekitar.
33. Usaha-usaha yang dilakukan ini jelas menunjukkan kemampuan Negeri Sarawak untuk melangkah ke hadapan dengan cepat bagi mencapai status negeri maju berpendapatan tinggi menjelang 2030. Insya-Allah.

## **SEMPENA HARI MALAYSIA 16 SEPTEMBER 2023**

34. Memandangkan kita masih berada pada kehangatan Bulan Kemerdekaan, di mana sambutan Hari Malaysia Peringkat Kebangsaan pada tahun ini akan diadakan di Stadium Perpaduan, Kuching, Sarawak pada esok, 16 September 2023 dengan tema sambutan yang sama dengan sambutan Hari Kebangsaan iaitu, “Malaysia MADANI: Tekad Perpaduan Penuhi Harapan”.
35. Namun, terdapat tambahan cogan kata dalam Bahasa Iban iaitu “Segulai Sejalai” yang membawa maksud “berjalan seiringan”, akan digunakan pada sambutan kali ini. “Segulai” membawa maksud bersatu dan bekerjasama di samping berpegang kepada pandangan yang sama manakala “Sejalai” pula membawa makna berjalan atau melangkah bersama ke hadapan.
36. Cogan kata ini amat bertepatan dengan Sambutan Hari Malaysia yang melambangkan kesatuan, perpaduan serta semangat kerjasama yang utuh dalam kalangan rakyat di negara ini. Ia menekankan kepentingan perpaduan dalam kalangan masyarakat majmuk di Malaysia sebagai tonggak bagi merealisasikan harapan Malaysia MADANI.
37. Marilah kita sama-sama berdoa agar Hari Malaysia yang disambut setiap tahun dapat membawa kepada keutuhan perpaduan dan kesejahteraan kepada rakyat Malaysia

keseluruhannya.

## PENUTUP

38. Sebelum berakhir, saya sekali lagi saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada pihak CENTEXS termasuk CENTEXS Commercial yang bertindak sebagai jambatan yang menghubungkan kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan.
39. Semoga inisiatif yang dilaksanakan ini akan membawa kejayaan kepada agenda pembangunan negara yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan negeri dan juga kerajaan persekutuan. Seterusnya memenuhi hasrat menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju selaras dengan agenda Madani yang dibawa oleh Kerajaan Perpaduan.
40. Pesan **kamek** (saya) kepada semua,

***Sik boh jerak ngembak delegasi kerajaan persekutuan ke sitok,***

(jangan serik untuk bawa delegasi kerajaan persekutuan ke sini).

41. Insya-Allah, Ada rezeki kita singgah ke Lundu, Lawas, Betong, Dalat dan Mukah pula nanti..

***Padah jak kelak ok?*** (bagi tahu sahaja nanti ya)

Sekian,

Wabillahitaufik Walhidayah,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

